

‘Larangan tukar parti sekat wakil rakyat buat terbaik’

Seorang penganalisis politik ber-pandangan Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pin-daan) (No 3) 2022 berkaitan larangan Ahli Parlimen bertukar parti, sebagai tindakan menye-kat wakil rakyat melakukan yang terbaik.

Prof Datuk Dr Jayum Jawan yang juga Penyandang Kursi Pe-nyelidikan Tan Sri Empiang Jabu (TSEJRC), Fakulti Ekologi Manu-sia, Universiti Putra Malaysia (UPM), juga menyifatkan RUU itu yang diluluskan Dewan Rakyat dan Dewan Negara baru-baru ini, se-bagai menghina pilihan pengundi.

“Sebagai rakyat Malaysia dan pengundi, saya kecewa dengan 209 Ahli Parlimen yang mengundi (menyokong RUU). Seharusnya pengundi kecewa kerana pi-lihan anda dan wakil rakyat pi-lihan anda tidak dihormati, di-sekat daripada melakukan apa yang difikirkan terbaik, termasuk lompat parti.

“Ini sesuatu yang mengecewa-kan, kita kata demokrasi, jadi sepatutnya boleh buat sesuka ha-ti,” katanya mempersoalkan ada-kah hanya kerana tindakan se-gelintir Ahli Parlimen melompat parti, Malaysia memerlukan satu undang-undang khusus, sedang-kan pilihan sepatutnya menjadi hak pengundi.

Tak setuju jangan undi

“Kalau rakyat tidak bersetuju de-ngan Ahli Parlimen lompat parti, maka jangan undi dia lagi se-masa pilihan raya akan datang. Anda (pengundi) salah kerana pi-lih orang (itu) untuk jadi wakil, adakah kita nak salahkan sistem atau marah Ahli Parlimen yang bagi saya, ia keterlaluan.

“Anda (pengundi) kena cermin diri sendiri, Ahli Parlimen yang 222 orang itu mencerminkan sikap anda. Kalau mereka melompat par-ti, itulah nilai yang anda gunakan semasa mengundi,” katanya.

Sehubungan itu, Jayum mene-gaskan, pengundi perlu mema-tangkan diri dalam membuat pi-lihan pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) kerana sistem yang sedia ada tidak mempunyai masalah, begitu juga dengan amalan demokrasi di negara ini.

Katanya, kuasa memilih wakil rakyat adalah pada tangan pengundi, bukan pada 222 Ahli Parlimen kerana jawatan berkenaan hanya bertempoh paling lama li-ma tahun sebelum perkhidmatan mereka berakhir.

“Kuasa sebenar pada tangan ra-kyat, itu dinamakan demokrasi. Bukan saja ketika PRU kita ber-kuasa memilih, kita boleh turun-kan mereka (Ahli Parlimen) bi-la-bila masa juga kerana mengundi itu satu tanggungjawab,” katanya.